



PEKELILING RASMI NAIB CANSOLOR BIL. 7/2020

**PELANJUTAN PENUTUPAN SEMENTARA
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bil. 7/2020 ini adalah bagi memaklumkan mengenai keputusan **Pelanjutan Penutupan Sementara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sehingga 12 Mei 2020** iaitu selaras dengan pelanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 4, mulai 29 April sehingga 12 Mei 2020, sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia melalui perutusan khas yang telah dibuat pada 23 April 2020, jam 8.15 malam.

2.0 PELAKSANAAN PENUTUPAN UTHM

- 2.1 Sebagai langkah membendung penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan, Kerajaan telah mengumumkan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.
- 2.2 Selaras dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa **penutupan sementara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia meliputi Kampus Induk Parit Raja (termasuk Kampus Bandar) dan Kampus Cawangan Pagoh, serta sebuah pusat latihan iaitu Pusat Minda Emas (PuMAS) yang beroperasi di Tanjung Laboh adalah dilanjutkan sehingga 12 Mei 2020.**
- 2.3 Penutupan UTHM ini adalah melibatkan penangguhan keseluruhan operasi pentadbiran serta semua aktiviti pelajar dan akademik. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara Pembelajaran Jarak Jauh (PJJ) akan dijalankan sepenuhnya bermula pada 19 April 2020 (Ahad) sebagaimana Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Bil. 3/2020 bertarikh 26 April 2020.
- 2.4 Sepanjang tempoh pelanjutan ini, semua staf adalah diarahkan untuk tidak memasuki mana-mana premis Universiti **kecuali** staf di dalam perkhidmatan kritikal iaitu Bahagian Keselamatan, Pusat Kesihatan Universiti, Pengetua, Felo dan staf pentadbiran Kolej Kediaman serta mana-mana staf yang diarahkan bertugas oleh Ketua Pusat Tanggungjawab.

- 2.5 Berkuatkuasa **mulai 29 April 2020**, semua staf termasuk staf di bawah kategori kritikal, staf yang diarahkan hadir ke pejabat dan staf yang diberi status Bekerja Dari Rumah, perlu merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi *UTHM Attendance* (<https://attendance.uthm.edu.my>). Keperluan merekodkan kehadiran ini boleh dibuat menggunakan telefon bimbit masing-masing dengan mengambil kira peraturan kehadiran di bawah Pekeliling Pengurusan Bil. 11/2019 : Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 2.6 Bagi memastikan operasi Universiti berjalan dengan baik, Universiti melalui **Surat Pekeliling Pengurusan Bil. 3 Tahun 2020** bertarikh 27 April 2020, telah mengeluarkan **Penambahbaikan Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (Work From Home) Di Sepanjang Tempoh Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan**. SPP 3/2020 ini secara jelasnya telah memperincikan enam (6) penambahbaikan berkaitan tatacara Bekerja Dari Rumah dengan mengambil kira keperluan pelaksanaan Pelan Tindakan Kluster Pentadbiran di dalam *Scenario Planning* yang telah diluluskan.
- 2.7 Para pelajar yang terlibat dengan penutupan premis UTHM ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa mengenai sebarang perkembangan terkini yang berkaitan, melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).


3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan dan adalah tertakluk kepada sebarang pengumuman rasmi oleh pihak Kerajaan daripada semasa ke semasa. Adalah diharapkan agar semua pihak sentiasa mematuhi langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan peningkatan penularan COVID-19 dan sentiasa berada di bawah lindungan Allah SWT. Semoga semua warga UTHM sentiasa terus cekal dan tabah dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



YBHG. PROF. DATUK Ts. DR. WAHID BIN RAZZALY

Naib Canselor

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

27 April 2020